

26/06/2002

Lagi sokongan formula peralihan pemimpin negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyokong formula peralihan kepemimpinan negara daripada Perdana Menteri, Datuk Dr Seri Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pemimpinnya menyifatkan langkah itu sebagai bijak, matang dan tidak menghampakan hasrat rakyat yang masih memerlukan Dr Mahathir memimpin negara.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Datuk Hamdan Adnan, berkata rakyat perlu menghormati keputusan Dr Mahathir yang mengambil kira kehendak rakyat dengan menangguhkan persaraan bagi memastikan barisan pemimpin pelapis bersedia menerima tanggungjawab yang ditinggalkannya.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pengumuman itu dapat memperjelas dan memberi maklumat tepat kepada rakyat dan dunia mengenai isu peletakan jawatan Dr Mahathir bagi mengelakkan spekulasi berlanjutan.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, proses peralihan kuasa akan memastikan kelancaran pentadbiran apabila Abdullah menggantikan Dr Mahathir tahun depan.

"Tindakan Perdana Menteri menunjukkan beliau mengutamakan kepentingan bangsa dan agama," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam, Datuk Dr Maamor Osman juga menyokong penuh keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno kerana percaya kematangan dan kepentingan politik didahulukan dalam perkara ini.

Majlis Belia Malaysia (MBM) akur dan menghormati keputusan Dr Mahathir mengundurkan diri dan berterima kasih kerana beliau sanggup mengambil sedikit masa memegang jawatan itu bagi membolehkan peralihan yang licin.

Presidennya, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, negara terpaksa mengakui bahawa Malaysia akan kehilangan seorang pemimpin besar yang sukar dicari ganti.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam berkata, rakyat kini perlu lebih matang menerima keputusan itu dan perlu bekerja lebih kuat memastikan kestabilan ekonomi negara.

Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman, berkata pengunduran Dr Mahathir adalah tindakan yang penuh hikmah, terancang dan tidak tergesa-gesa.

(END)